

**MOTIVASI PENGLIBATAN SUKARELAWAN DALAM AKTIVITI
KESUKARELAWANAN MAHASISWA UNIVERSITI AWAM**

**[VOLUNTEERISM MOTIVATION IN THE VOLUNTARY ACTIVITIES
INVOLVEMENT OF PUBLIC UNIVERSITIES STUDENTS]**

NORMAH AWANG NOH^{1*}

LUKMAN Z.M¹

FAZIL AHMAD¹

Received Date: 3 September 2020

Accepted Date: 3 December 2020

Abstrak

Kesukarelawanan merujuk kepada satu bentuk aktiviti sukarela tanpa melibatkan unsur-unsur paksaan, tidak bermatlamat untuk mendapat ganjaran material atau balasan, aktiviti yang mendatangkan manfaat kepada sukarelawan dan pihak yang dibantu, aktiviti yang dilakukan secara formal atau tidak formal serta aktiviti yang dilakukan secara individual atau kolektif. Kepentingan sektor kesukarelawanan kepada pembangunan diri mahasiswa menyebabkan kebanyakan Institut Pengajian Tinggi (IPT) sama ada di Malaysia atau di luar negara mula menerapkan unsur-unsur kesukarelawanan dalam polisi pendidikan mereka. Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan didorong oleh pelbagai faktor sama ada digerakkan oleh motivasi altruistik mahupun motivasi egoistik. Walau bagaimanapun, motivasi individu bukan sesuatu yang statik dan sentiasa berubah-ubah mengikut kepada keperluan, kehendak dan situasi seseorang individu. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji motivasi yang mempengaruhi penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan. Motivasi ini dilihat dari dua aspek iaitu motivasi altruistik dan motivasi egoistik melibatkan enam dimensi iaitu motivasi nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, perlindungan dan pengukuhan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah survey secara bersemuka melibatkan 400 orang mahasiswa yang aktif melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan. Hasil kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS dalam bentuk deskriptif. Input kajian ini diharapkan dapat menjadi indikator berguna kepada pihak berkepentingan dalam usaha untuk membudayakan kesukarelawanan dalam kalangan generasi muda khususnya mahasiswa.

Kata Kunci: Motivasi, Penglibatan, Sukarelawan Mahasiswa, Altruistik, Egoistik

¹ Pusat Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

***Corresponding Author:**

NORMAH AWANG NOH, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

E-mail: normahawang@unisza.edu.my

Abstract

Volunteering applies to a type of charitable operation that does not involve aspects of intimidation and does not pursue monetary benefits or rewards, tasks that support volunteers and assisted parties, activities that are carried out formally or informally, as well as a person or group activities. Most institutions of higher learning (IPT) have begun to integrate elements of volunteerism into their education policies, either in Malaysia or abroad, leading to the value of the voluntary sector for the self-development of students. Both motivated by altruistic motivation or egoistic motivation, student interest in volunteer activity is driven by different influences. Individual motivation, though, is not something that is stagnant and is continuously evolving according to an individual's desires, wishes, and circumstances. Accordingly, this study aims to examine the motivations that influence student involvement in volunteer activities. This motivation is seen from two perspective namely altruistic motivation and egoistic motivation involving six motivations, namely value, understanding, career, social, security, and reinforcing. Via face-to-face interview methodology involving 400 students who are actively engaged in charitable programmes, this research utilises a quantitative approach. The research findings were analysed in descriptive form using SPSS tools. In an attempt to foster volunteerism among the younger generation, especially students, the contribution of this study is expected to be a useful indicator for stakeholders.

Keywords: Motivation, Involvement, Student volunteer, Altruistic, Egoistic.

Cite This Article:

Normah Awang Noh, Lukman Z.M & Fazil Ahmad. (2020). Motivasi Penglibatan Sukarelawan dalam Aktiviti Kesukarelawan Mahasiswa Universiti Awam. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(4)26-36.

PENGENALAN

Kesukarelawan bukan satu fenomena baru dalam masyarakat di mana kewujudannya bermula sejak dari pembinaan tamadun dan pembentukan masyarakat sejak dahulu lagi (Haski-Leventhal, 2009). Kesukarelawan muncul dalam setiap masyarakat namun kewujudannya berbeza bergantung kepada sejarah, ideologi, politik, sosioekonomi dan budaya sesebuah negara (UNV, 2011; Rehberg, 2005). Tragedi kemanusiaan yang berlaku seperti peperangan, konflik politik, kemelesetan ekonomi serta bencana alam mendorong kepada tindak balas individu dan masyarakat untuk terlibat dalam kesukarelawan (Siti Hawa, 2002; Mardhiyyah et al., 2013). Justeru itu, penglibatan dalam kesukarelawan bukan lagi bersifat lokaliti dan setempat, tetapi bersifat global yang merentasi sempadan negara, budaya, agama dan masyarakat (Rochester, 2006). Kesukarelawan merupakan satu isu global yang semakin mendapat perhatian kerana kepentingannya kepada individu, masyarakat dan negara (Ockenden, 2007; Simha et al., 2011; Wu et al. 2016; Rochester, 2006; Putnam, 2000). Kesedaran tentang kepentingan sektor kesukarelawan ini mendorong pelbagai pihak saling bekerjasama antara satu sama lain bagi menggalakkan penglibatan masyarakat terutamanya generasi muda dalam aktiviti kesukarelawan.

Penglibatan mahasiswa dalam kesukarelawanan mula menjadi perhatian sekitar tahun 1960-an dan 1970-an (Gage III & Thapa, 2012). Pada masa tersebut, universiti menawarkan pelbagai aktiviti khidmat masyarakat untuk menggalakkan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan melalui persatuan pelajar, bahagian hal ehwal pelajar serta organisasi keagamaan berasaskan kampus (Gage III & Thapa 2012; Siti Nazilah, 2014). Aktiviti kampus merujuk kepada aktiviti yang ditaja atau tidak dan dikendalikan oleh universiti bagi memupuk dan menggalakkan pembentukan nilai-nilai murni dalam diri mahasiswa (Raslinda et al., 2006). Menurut Raslinda lagi, walaupun aktiviti kesukarelawanan dilakukan berasaskan kampus, namun penyertaan daripada agensi atau organisasi luar digalakkan bagi tujuan penjanaan dana universiti dan masyarakat setempat.

Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan didorong oleh pelbagai motivasi sama ada bertujuan untuk kepentingan diri atau orang lain. Motivasi kesukarelawanan ditakrifkan sebagai satu bentuk tenaga penggerak atau kuasa dalaman yang mendorong seseorang individu terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan bagi mencapai matlamat tertentu dengan kerelaan diri sendiri serta mampu mempengaruhi orang lain untuk bertingkah laku dengan cara yang sama (Siti Nazilah et al., 2012; Guay et al., 2010; Azizan, 2016; Clary et al., 1998). Secara umum, terdapat dua kategori motivasi yang mendorong penglibatan mahasiswa dalam kesukarelawanan iaitu motivasi altruistik dan motivasi egoistik. Motivasi altruistik adalah di mana penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan didorong naluri semula jadi atau dalaman diri (Ryan & Deci, 2000; Zaliha & Mohd Ramlan, 2012). Tujuan utama penglibatan adalah untuk membantu orang yang memerlukan tanpa mengharapkan balasan material. Konsep ini dikaitkan dengan perasaan empati, simpati, prihatin, penyayang, belas kasihan serta mempunyai nilai moral yang tinggi (Gage III & Thapa, 2012;). Motivasi egoistik pula merujuk kepada penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan didorong perolehan ganjaran material dan kepentingan personal melibatkan manfaat sendiri, sosial, kerjaya, akademik, kemahiran dan sebagainya (Jimenez et al., 2010). Walau bagaimanapun, perubahan gaya hidup masyarakat dan faktor modenisasi mendorong kepada kewujudan gabungan motivasi melibatkan altruistik dan egoistik (Hustinx et al., 2010; Rodrigue, 2010; Gage III & Thapa, 2012).

Menurut Clary et al. (1998) terdapat enam motif utama yang mendorong penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan yang menggabungkan antara motivasi altruistik dan egoistik iaitu nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, perlindungan dan pengukuhan. Motif nilai bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan dan dikaitkan dengan nilai altruistik dan kemanusiaan. Mahasiswa percaya penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan mampu mengubah kehidupan orang lain ke arah yang lebih baik dan sejahtera. Motif kefahaman pula bertujuan untuk mempelajari sesuatu yang baru serta mengaplikasikan segala kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki. Motivasi ini membolehkan mahasiswa mengenal pasti dan meneroka kekuatan diri serta memahami sesuatu isu atau masalah yang berlaku dalam masyarakat dengan lebih baik. Motif kerjaya pula adalah bertujuan untuk meneroka peluang-peluang kerjaya pada masa akan datang serta meningkatkan prospek kerjaya. Motif sosial pula bertujuan untuk meningkatkan interaksi sosial, mengukuhkan hubungan sosial serta mendapat sokongan daripada orang lain. Manakala motif perlindungan bertujuan untuk mempertahankan ego individu dengan mengurangkan kesan negatif akibat wujud perasaan bersalah kerana lebih bernasib baik daripada orang lain. Individu menggunakan peluang sebagai sukarelawan untuk

menyelesaikan konflik dalaman dan tekanan yang dialami. Penglibatan dalam kesukarelawanan ini dianggap sebagai satu cara untuk melepaskan diri daripada perasaan bersalah dengan membantu orang lain yang tidak bernasib baik. Seterusnya motif pengukuhan pula bertujuan menjadikan diri mereka sebagai penting dan diperlukan oleh orang lain. Ini penting untuk perkembangan dan peningkatan sendiri dan psikologi seseorang individu.

Banyak kajian menunjukkan penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan didorong oleh motivasi altruistik dan egoistik. Walaupun wujud gabungan motivasi, namun penglibatan sukarelawan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan lebih cenderung dipengaruhi oleh motivasi egoistik berbanding altruistik (Gombe et al., 2015). Walaupun penglibatan sukarelawan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan banyak didorong oleh faktor kepentingan diri (egoistik) namun tidak dinafikan bahawa perasaan ingin membantu individu yang memerlukan (altruistik) juga turut mendorong mereka terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan walaupun bukan menjadi keutamaan penglibatan (Roessler et al., 1999; Clary dan Snyder, 1999; Omoto et al., 2000). Kajian yang dilakukan oleh Aisyah Nadirah dan Tajul (2013) ke atas sukarelawan mahasiswa menunjukkan faktor utama penglibatan sukarelawan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan adalah dipengaruhi oleh motivasi kefahaman dan motivasi nilai. Kajian yang dilakukan oleh Raslinda et al. (2006) juga menunjukkan hasil yang sama di mana sebilangan besar sukarelawan mahasiswa (68.4%) menyatakan penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan didorong oleh motivasi kefahaman iaitu keinginan untuk mempelajari perkara baru, seterusnya disusuli dengan motivasi nilai (66.8%).

Llenares & Deocarlis (2015) yang menjalankan kajian ke atas sukarelawan mahasiswa di Filipina juga mendapati motivasi utama penglibatan sukarelawan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan dipengaruhi oleh faktor egoistik seperti perkembangan diri dan penghargaan. Perkembangan diri adalah di mana sukarelawan mahasiswa mengambil bahagian dalam aktiviti kesukarelawanan untuk menambah baik dan meningkatkan potensi serta harga diri mahasiswa. Manakala penghargaan pula adalah merujuk kepada sukarelawan mahasiswa yang mengharapkan mereka mendapatkan pengiktirafan dan penghargaan di atas sumbangan yang telah diberikan sama ada dalam bentuk pujian atau ganjaran yang bersesuaian. Smith et al. (2010) melakukan kajian ke atas tiga kategori mahasiswa iaitu sukarelawan mahasiswa aktif, sukarelawan mahasiswa kurang aktif dan mahasiswa yang tidak terlibat dalam kesukarelawanan. Hasil kajian menunjukkan motivasi penglibatan dalam kesukarelawanan adalah berbeza bagi ketiga-tiga kategori mahasiswa tersebut. Bagi sukarelawan mahasiswa yang aktif, faktor altruistik merupakan motivasi utama yang mendorong penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan. Bagi sukarelawan mahasiswa kurang aktif pula, motivasi sosial adalah faktor utama penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan. Manakala bagi mahasiswa yang tidak terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan pula berpendapat motivasi kerjaya dirasakan lebih penting berbanding dengan motivasi-motivasi yang lain.

Berdasarkan beberapa kajian lepas, secara spesifiknya dapat disimpulkan terdapat pelbagai motivasi melibatkan altruistik dan egoistik yang mendorong penglibatan sukarelawan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan. Antaranya adalah keinginan untuk membantu golongan memerlukan, memaksimumkan penggunaan masa terluang dengan bermanfaat, menjalankan tanggungjawab sosial dalam masyarakat, mendapatkan keseronokan dan kepuasan, mendapatkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang baru, mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki, perkembangan kerjaya pada masa hadapan,

mempunyai pengalaman terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan, memenuhi tanggungjawab agama, membina hubungan sosial, membangunkan potensi dan keupayaan diri serta mendapat pengiktirafan dan penghargaan sosial (Smith et al., 2010, Julinawati et al., 2012, Llenares & Deocarís, 2015).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya bagi mencapai objektif kajian. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti motivasi yang mendorong penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan. Dalam kajian ini, kaedah survey melibatkan soal selidik berstruktur telah digunakan. Survey menggunakan satu set soal selidik berstruktur telah dilakukan terhadap mahasiswa yang menjadi keahlian dalam persatuan kesukarelawanan terpilih iaitu SEKRUM dan Kelab Penyayang di tiga buah universiti awam iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Pemilihan ketiga-tiga persatuan ini adalah kerana 'nature' penubuhan persatuan adalah berfungsi menjalankan kerja-kerja kesukarelawanan dan persatuan ini adalah persatuan yang paling aktif menjalankan aktiviti kesukarelawanan di universiti tersebut. Seramai 134 orang responden dipilih daripada persatuan SEKRUM, 133 orang responden dipilih bagi Kelab Penyayang UKM dan 133 orang responden dipilih bagi Kelab Penyayang UPM. Ini menjadikan sampel kajian ini adalah seramai 400 orang. Pemilihan responden dilakukan secara rawak mudah dengan mendapatkan senarai nama ahli persatuan terlibat dan daripada senarai nama tersebut, pengkaji telah melakukan cabutan undi nombor keahlian pelajar. Bagi responden yang tidak dapat memberikan kerjasama diganti dengan sukarelawan mahasiswa lain yang sudi terlibat dalam kajian ini. Soal selidik motivasi penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan diadaptasi daripada kajian Clary et al (1998) yang memperkenalkan 'Volunteer Function Inventory' (VFI). Instrumen VFI digunakan secara meluas terutamanya dalam bidang psikologi dalam mengkaji asas motivasi atau dorongan penglibatan individu dalam aktiviti kesukarelawanan. Berdasarkan instrumen VFI, terdapat enam motif yang mendorong penglibatan individu dalam aktiviti kesukarelawanan iaitu motif nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, perlindungan dan pengukuhan. Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS. Bagi mencapai objektif kajian, analisis deskriptif seperti taburan dan peratusan digunakan bagi memahami motivasi penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan.

PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan disebabkan oleh pelbagai motif atau tujuan bergantung kepada keperluan dan situasi seseorang individu. Dalam kajian ini, motivasi penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan dijelaskan dalam enam dimensi iaitu nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, perlindungan dan pengukuhan.

Motivasi Penglibatan Mahasiswa Dalam Kesukarelawanan

Hasil kajian menunjukkan kefahaman dan nilai merupakan motivasi utama yang mendorong penglibatan mahasiswa universiti awam dalam aktiviti kesukarelawanan, di mana dua dimensi ini mencatat nilai min sebanyak 4.29 dan 4.26 (Jadual 1). Seterusnya diikuti dengan motivasi perlindungan (4.17), motivasi pengukuhan (4.17), motivasi kerjaya (3.98) dan motivasi sosial (3.85). Penemuan hasil kajian ini hampir sama dengan kajian daripada Clary et al. (1998), Allison et al. (2002), dan Gage III dan Thapa (2012); Aisyah Nadirah dan Tajul (2013) dan Llenares dan Deocarlis (2015). Kesemua kajian ini menunjukkan motivasi kefahaman adalah pendorong utama penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan. Kesemua kajian juga berpendapat nature mahasiswa sebagai golongan muda yang mempunyai sikap dan semangat yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baru dan mencabar seperti meneroka pelbagai kemahiran yang diperlukan serta mendapatkan pengalaman dan pengetahuan yang optimum. Pelbagai kemahiran ini bermanfaat bagi pembangunan dan perkembangan kerjaya pada masa akan datang menjadi titik tolak kepada penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan.

Jadual 1: Motivasi Penglibatan Mahasiswa Dalam Kesukarelawanan

Motivasi Dalam Kesukarelawanan	Nilai Min
Motivasi Nilai	4.26
Motivasi Kefahaman	4.29
Motivasi Kerjaya	3.98
Motivasi Sosial	3.85
Motivasi Perlindungan	4.17
Motivasi Pengukuhan	4.17

i. Motivasi Nilai

Motivasi merupakan nilai dikaitkan dengan nilai kemanusiaan dan semangat altruistik yang tinggi. Nilai pula merupakan sesuatu yang abstrak melibatkan perasaan dalaman yang terdapat pada diri seseorang individu. Nilai sering dikaitkan dengan pegangan dan keyakinan individu terhadap apa yang dipercayai. Mahasiswa yang didorong oleh sifat altruistik melakukan aktiviti kesukarelawanan secara ikhlas dan tidak mengharapkan balasan untuk setiap bantuan yang diberikan. Kepentingan diri tidak menjadi fokus utama sebaliknya, lebih mengutamakan tanggungjawab bagi membantu golongan yang memerlukan bantuan. Jadual 2 menunjukkan tujuan utama penglibatan responden dalam aktiviti kesukarelawanan adalah kerana kesedaran mereka tentang kepentingan untuk membantu orang yang memerlukan (4.38) diikuti dengan kewujudan perasaan belas kasihan kepada golongan yang memerlukan (4.33), mempunyai rasa tanggungjawab untuk membantu (4.24), mempunyai perasaan keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan (4.21) serta merasakan bantuan yang diberikan bernilai kepada mereka (4.19).

Jadual 2: Motivasi Nilai Penglibatan dalam Kesukarelawanan

Motivasi Nilai	Nilai Min
Saya bertanggungjawab membantu individu yang tidak bernasib baik	4.24
Saya benar-benar prihatin terhadap individu yang saya bantu	4.21
Saya belas kasihan dengan individu yang memerlukan bantuan	4.33
Saya merasa penting untuk membantu orang lain	4.38
Saya membantu kerana ianya bernilai kepada saya	4.19

ii. Motivasi Kefahaman

Motivasi kefahaman merujuk kepada keinginan seseorang individu untuk mempelajari sesuatu yang baru serta mengaplikasikan kemahiran atau pengetahuan yang ada. Individu yang didorong oleh fungsi kefahaman ini dapat meneroka kekuatan dan kelemahan diri sendiri dan memperluaskan kefahaman mengenai sesuatu isu atau masalah yang berlaku dalam masyarakat. Hasil kajian menunjukkan tujuan utama yang mendorong penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan bagi dimensi kefahaman adalah untuk mempelajari perkara baru melalui pengalaman terlibat dalam kesukarelawanan, serta dapat mempelajari cara untuk berinteraksi dengan individu lain yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Dua nilai ini mencatat nilai min sebanyak 4.38. Selainnya, bertujuan untuk mengetahui perspektif baru mengenai sesuatu perkara (4.27), dapat mengetahui kelemahan dan kekuatan diri sendiri (4.26) serta dapat mengetahui dengan lebih terperinci tujuan sesuatu bantuan diberikan (4.19) (Jadual 3).

Jadual 3: Motivasi Kefahaman Penglibatan dalam Kesukarelawanan

Motivasi Kefahaman	Nilai Min
Saya dapat mempelajari lebih terperinci tujuan memberikan bantuan	4.19
Saya dapat mengetahui perspektif baru mengenai sesuatu perkara	4.27
Saya dapat mempelajari perkara baru melalui pengalaman sendiri	4.38
Saya dapat belajar cara untuk berinteraksi dengan pelbagai individu	4.38
Saya dapat mengetahui kelemahan dan kekuatan diri sendiri	4.26

iii. Motivasi Kerjaya

Motivasi kerjaya merujuk kepada penglibatan individu dalam aktiviti kesukarelawanan bertujuan untuk membina prospek kerjaya pada masa hadapan. Hasil kajian menunjukkan tujuan utama responden terlibat dalam kesukarelawanan bagi dimensi kerjaya adalah untuk membina kenalan baru yang dapat membuka peluang kerjaya kepada mereka pada masa hadapan (4.14), diikuti untuk menambah baik resume diri agar dapat diterima baik dalam pasaran kerja (4.10), dapat meneroka peluang kerjaya yang pelbagai (4.01), dapat membantu untuk berjaya dalam profesion yang dipilih (3.88) serta dapat membuka peluang kerjaya yang diinginkan (3.79) (Jadual 4).

Jadual 4: Motivasi Kerjaya Penglibatan dalam Kesukarelawanan

Motivasi Kerjaya	Nilai Min
Kesukarelawanan membuka peluang pekerjaan yang diinginkan	3.79
Membina kenalan baru yang dapat membantu kerjaya pada masa depan	4.14
Saya dapat meneroka peluang kerjaya yang pelbagai	4.01
Kesukarelawanan membantu saya berjaya dalam profesion yang dipilih	3.88
Kesukarelawanan membantu menambah baik resume saya	4.10

iv. Motivasi Sosial

Motivasi sosial merujuk kepada penglibatan individu dalam aktiviti kesukarelawanan, bertujuan untuk meningkatkan interaksi sosial, mengukuhkan hubungan sosial serta mendapat sokongan daripada orang lain. Penglibatan individu dalam kesukarelawanan dijadikan sebagai satu medium untuk bertemu dengan kenalan baru, dan seterusnya dapat meluaskan jaringan sosial. Hasil kajian menunjukkan mahasiswa terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan bagi dimensi sosial adalah disebabkan kawan rapat mempunyai persepsi yang positif terhadap kesukarelawanan (4.02), diikuti dengan rakan-rakan berkongsi kepentingan penglibatan dalam kesukarelawanan (3.88), menjadikan penglibatan dalam kesukarelawanan sebagai satu aktiviti penting (3.87), rakan-rakan responden merupakan sukarelawan (3.76) serta individu yang rapat dengan responden mahukan mereka melibatkan diri dalam kesukarelawanan (3.73) (Jadual 5).

Jadual 5: Motivasi Sosial Penglibatan dalam Kesukarelawanan

Motivasi Sosial	Nilai Min
Rakan-rakan saya merupakan sukarelawan	3.76
Individu yang rapat mahukan saya menyertai kesukarelawanan	3.73
Individu rapat berkongsi kepentingan penglibatan dalam kesukarelawanan	3.88
Individu rapat mempunyai persepsi positif terhadap kesukarelawanan	4.02
Individu rapat menjadikan kesukarelawanan sebagai aktiviti yang penting	3.87

v. Motivasi Perlindungan

Fungsi perlindungan ini bertujuan untuk mempertahankan ego individu dengan mengurangkan kesan negatif, akibat wujud perasaan bersalah kerana lebih bernasib baik berbanding orang lain. Individu menggunakan peluang sebagai sukarelawan untuk menyelesaikan konflik dalaman dan tekanan yang dialami. Penglibatan dalam kesukarelawanan ini dianggap sebagai satu cara untuk melepaskan diri daripada perasaan bersalah dengan membantu orang lain yang kurang bernasib baik. Hasil kajian menunjukkan tujuan utama penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan bagi dimensi perlindungan adalah untuk mengurangkan perasaan negatif dalam diri serta menghindarkan diri daripada terlibat dalam gejala yang tidak sihat di mana keduanya mencatat nilai min sebanyak 4.27. Seterusnya adalah untuk mengurangkan perasaan

sunyi (4.24), mengurangkan rasa bersalah pada diri kerana lebih bernasib baik daripada orang lain (4.08) serta bagi membantu mengatasi masalah peribadi yang dialami (3.99) (Jadual 6).

Jadual 6: Motivasi Perlindungan dalam Kesukarelawanan

Motivasi Perlindungan	Nilai Min
Kesukarelawanan mengurangkan perasaan negatif dalam diri	4.27
Kesukarelawanan dapat mengurangkan rasa kesunyian	4.24
Mengurangkan rasa bersalah pada diri kerana lebih bernasib baik	4.08
Kesukarelawanan membantu mengatasi masalah peribadi yang dialami	3.99
Menghindarkan saya daripada terlibat dalam gejala yang tidak sihat	4.27

vi. Motivasi Pengukuhan

Motivasi pengukuhan merujuk kepada perkembangan dan peningkatan sendiri dan psikologi seseorang individu. Individu yang didorong oleh fungsi pengukuhan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan bertujuan menjadikan diri mereka sebagai penting dan diperlukan oleh orang lain. Hasil kajian menunjukkan penglibatan utama mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan bagi dimensi pengukuhan adalah untuk menjadikan diri lebih baik daripada sebelumnya (4.31), membantu membina ramai kenalan baru (4.29), meningkatkan keupayaan diri (4.25), menjadikan diri lebih diperlukan (4.06) serta kesukarelawanan menyebabkan diri merasa penting (3.97) (Jadual 7).

Jadual 7: Motivasi Pengukuhan dalam Kesukarelawanan

Motivasi Pengukuhan	Nilai Min
Kesukarelawanan menyebabkan saya merasa penting	3.97
Kesukarelawanan meningkatkan keupayaan diri saya	4.25
Kesukarelawanan menjadikan saya diperlukan	4.06
Kesukarelawanan menjadikan diri saya lebih baik	4.31
Kesukarelawanan membantu saya membina ramai kenalan baru	4.29

KESIMPULAN

Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan didorong oleh pelbagai motivasi sama ada untuk kepentingan orang lain ataupun kepentingan personal bergantung kepada keperluan dan keadaan mahasiswa. Walaupun motivasi golongan mahasiswa untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan lebih bersifat egoistik, namun nilai altruistik tetap wujud dalam diri mereka walaupun bukan menjadi keutamaan. Sehubungan itu, semangat untuk bersukarela perlu sentiasa disemarakkan agar kesukarelawanan dapat dijadikan sebagai satu budaya dalam kalangan mahasiswa.

RUJUKAN

Aishah Nadirah, M.A. & Tajul Arifin, M. (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi. Kertas kerja dibentangkan dalam World Conference on Integration of Knowledge, WCIC 2013. Langkawi, Malaysia. 25-26 November 2013.

- Allison, L.D., Okun, M.A. & Dutridge, K.S. (2002). Assessing volunteer motives: A comparison of an open-ended probe and likert-rating scales. *Journal of Community and Applied Social Psychology*, 12(4), 243-255.
- Azizan, B. (2016). Kesukarelawan. Pustaka Qarya. Perlis: Kangar.
- Clary, E.G. & Snyder, M. (1999). The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. *Current Directions in Psychological Science*, 8(5), 155-159.
- Clary, E.G., Snyder, M., Ridge, R.D., Copeland, J., Stukas, A.A., Haugen, J. & Miene, P. (1998). Understanding and assessing the motivations of volunteers: A functional approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, 74(6), 1516-1530.
- Gage III, R.L. & Thapa, B. (2011). Volunteer motivations and constraints among college students: Analysis of the volunteer function inventory and leisure constraints models. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 41(3), 405-430.
- Guay, F., Chanal, J., Ratelle, C.F., Marsh, H.W., Larose, S. & Boivin, M. (2010). Intrinsic, identified and controlled types of motivation for school subject in young elementary school children. *British Journal of Educational Psychology*, 80(4), 711-735.
- Haski-leventhal, D. (2009). Addressing social disadvantage through volunteering. The Department of the Prime Minister & Cabinet Report. Australia: Centre for Social Impact.
- Hustinx, L., Cnaan, R. A. & Handy, F. (2010). Navigating theories of volunteering: A hybrid map for a complex phenomenon. *Journal for the Theory of Social Behaviour*, 40(4), 410-434.
- Jimenez, M.L.V., Fuertes, F.C. & Abad, M.J.S. (2010). Differences and similarities among volunteers who drop out during the first year and volunteers who continue after eight years. *Spanish Journal of Psychology*, 3(1), 343-352.
- Julinawati, S., Mohammad Rezal, H., Azizan, B., Ku Amir, K. D., Siti Raba'ah, H. & Turiman, S. (2012). Semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa melayu di IPTA: Satu tinjauan ke arah pembentukan pendidikan kesukarelawan. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA). UniMAP, Perlis. 29-31 Mac 2012.
- Llenares, I.I. & Deocaris, C. (2015). Motivations for volunteerism among Filipino college students. *International Journal of Education and Research*, 3(2), 599-610.
- Mardhiyyah, S., Khairudin, M., Asmidar, A. & Mohd Dasuqkhi, M.S. (2013). Empowering youth volunteerism: The importance and global motivating factors. *Journal of Educational and Social Research*, 3(7), 502-507.
- Ockenden, N. (2007). *Volunteering works: Volunteering and social policy*. England: Institute for Volunteering England.
- Omoto, A., Snyder, M. & Martino, S. (2000). Volunteerism and the life course: Investigating age-related agendas for action. *Basic and Applied Social Psychology*, 22(3), 181-197.
- Putnam, R.D. (2000). *Bowling alone*. New York: Simon and Schuster.
- Raslinda, M.G., Shahrudin, T. & Muhammad Fauzi, M. (2006). Motivational factors of volunteerism among UUM students in campus events. Kertas kerja dibentangkan dalam National Student Development Conference. Kuala Lumpur, Malaysia. 8-9 Ogos 2006.

- Rehberg, W. (2005). Altruistic individualists: Motivations for international volunteering among young adults in Switzerland. *Voluntas: International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 16(2), 109-122.
- Rochester, C. (2006). Making sense of volunteering: A literature review. London: The Commission on the Future of Volunteering.
- Rodrigue, T. (2010). Rethinking short- term aid: The benefits of short term vs. long term international volunteerism. (Thesis). University of Toronto Scarborough, Ontario, Canada.
- Roessler, A., Carter, H., Campbell, L. & MacLeod, R. (1999). Diversity among hospice volunteers: A challenge for the development of a responsive volunteer program. *American Journal of Hospice and Palliative Medicine*, 16(5), 656-664.
- Ryan, R. & Deci, E.L. (2000a). Intrinsic and extrinsic motivations: Classic definitions and new directions. *Contemporary Educational Psychology*, 25(1), 54-67.
- Simha, A., Topuzova, L.N. & Albert, J.F. (2011). V for volunteering -the journeys of undergraduate volunteers. *Journal of Academic Ethics*, 9, 107–126.
- Siti Hawa, A. (2002). Volunteerism and the development of Malaysia social care system. Pulau Pinang: School of Health Science, University Science Malaysia.
- Siti Nazilah, M. A., Fauziah, I. & Rozmi, I. (2012a). Relationship between motivation and organizational commitment among college student volunteers. *International Business Management*, 6(4), 512-516.
- Siti Nazilah, M.A. (2014). Kesukarelawanan: Isu dan kepentingannya kepada masyarakat. Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Smith, K.A., Kirsten, H., Haski-Leventhal, D., Cnaan, R. A., Handy, F. & Brudney, J. L. (2010). Motivations and benefits of student volunteering: Comparing regular, occasional and non-volunteers in five countries. *Canadian Journal of Nonprofit and Social Economy Research*, 1(1), 65-81.
- United Nations Volunteer (UNV) (2011). State of the world's volunteerism report. United Nations
- Wu, H.T., Tu, C.T., Chou, M.J, Hou, J.F. & Lei, M.S. (2016). Development of Taiwan undergraduates volunteer service motivation scale. *Universal Journal of Education Research*, 4(4), 761-770.
- Zaliha, H. & Mohd Ramlan, M.A. (2012). Altruism as motivational factors toward volunteerism among youth in Petaling Jaya, Selangor. *IPEDR*, 54(46), 225-229.